

MERBAH SIAM
Black Headed Bulbul

FAMILI : Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus atriceps*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa warna keseluruhan adalah hijau kekuningan dengan bahagian kepala yang berwarna hitam berkilat tanpa jambul. Pada bahagian ekor pula terdapat jalur lebar yang melintang berwarna hitam. Warna kekuningan pada badan pula adalah pelbagai. Pada kebiasannya, sempadan antara bulu adalah lebih kuning pada bahagian bawah badan, ekor, dan sayap, yang kemudiannya agak ketara dengan bulu pelepah sayap utama yang berwarna hitam. Bagi burung dewasa dengan warna kelabu pula, ia agak sukar untuk ditemui. Pada bahagian leher, dada dan perut burung tersebut adalah berwarna kelabu. Bagi burung juvenil, ia mempunyai warna bulu yang agak pudar dan corak pada sayap yang kurang jelas. Bahagian kepala pula berwarna agak kehijauan pudar.

SAIZ

Panjang keseluruhan burung ini adalah 18.0 sm.

MAKANAN

Buah-buahan, serangga, nektar dan pucuk bunga.

HABITAT

Kawasan hutan tanah pamah dipterokap, hutan sekunder, kawasan pinggir hutan, hingga ke ketinggian 1,600 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi siulan dalam siri yang pendek dan tanpa nada. Ia juga sering mengeluarkan bunyi panggilan yang kuat dan berulang kali *chew* atau *chiv*.

PEMBIAKAN

Musim membiak adalah dari bulan Januari hingga September setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-3 biji telur di dalam sarang yang dibina pada vegetasi yang rendah atau rumpun bambu.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi.